

KERATAN AKHBAR

JUDUL : BERITA HARIAN ONLINE

TARIKH : 14 Julai 2025

SITASI :

M/S :

Mutalib, Z. (2025, July 14). sambutan minggu perpaduan peringkat kebangsaan di stadium batu kawan khamis hingga jumaat ini. *Berita Harian Online*. Retrieved July 14, 2025, from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/07/1419670/sambutan-minggu-perpaduan-peringkat-kebangsaan-di-stadium-batu-kawan>



Sambutan Minggu Perpaduan peringkat kebangsaan di Stadium Batu Kawan, Khamis hingga Ahad ini

Oleh Zanariah Abd Mutalib - Julai 14, 2025 @ 11:26am
zanariah_mutalib@bh.com.my



Sambutan dengan tema 'Harmoni Dalam Kepelebagaian' itu bakal dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di pekarangan Stadium Batu Kawan pada Sabtu ini, bermula jam 10.30 pagi. - Foto ihsan Kementerian Perpaduan Negara

KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara akan menganjurkan Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025 di perkarangan Stadium Batu Kawan, Pulau Pinang dari Khamis hingga Ahad ini.

Sambutan dengan tema `Harmoni Dalam Kepelbagaian' itu bakal dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Sabtu, jam 10.30 pagi.

Kementerian Perpaduan Negara memaklumkan, sambutan itu akan menjadi platform utama dalam memperkukuh perpaduan antara rakyat berbilang kaum dan latar belakang menerusi pembabitian secara langsung masyarakat dalam pelbagai aktiviti bersifat inklusif yang dianjurkan.

"Objektif utama penganjuran ini adalah untuk merapatkan jurang perbezaan dan memupuk semangat kebersamaan dan saling menghormati yang menjadi asas kekuatan negara.

"Kementerian mengalu-alukan kehadiran seluruh rakyat Malaysia ke sambutan ini sebagai tanda sokongan terhadap usaha memperkukuh keharmonian nasional," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Kementerian itu berkata, lebih 35 aktiviti akan diadakan sempena sambutan itu, dengan pengisian utama adalah pameran Rumah KAMI (rumah etnik), Perkampungan Etnik Kadazan Dusun dan Orang Asli, Pameran Malaysia Tanah Airku, pameran Susur Masa oleh Jabatan Muzium Malaysia dan Pavilion Perpustakaan Malaysia serta Food Unites.

Selain itu, turut diadakan Jualan MADANI, jualan kraftangan dan produk usahawan tempatan, termasuk pesta durian, Larian Uniti, sukan tradisional, kejohanan e-sukan, Kembara Ilmu, Pesta Buku Pulau Pinang, Wayang Pacak, Pertandingan Boria Terbuka, Peragaan Busana Tradisional dan Pertandingan Tarian Etnik Sekolah Rendah.

Pada masa sama, kementerian turut menyediakan pelbagai perkhidmatan secara terus kepada rakyat, termasuk diskaun saman Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta pengurangan kompaun pihak berkuasa tempatan (PBT), seperti Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

"Beberapa pameran agensi kerajaan dan aset keselamatan juga akan diadakan sebagai usaha meningkatkan kefahaman rakyat terhadap fungsi dan peranan agensi terbabit," katanya.

Kementerian berkata, sambutan itu juga akan dimeriahkan lagi dengan persembahan artis ternama tanah air, seperti Datuk Awie, Stacy, Jaclyn Victor, Black Hanifah, Shila Zikir dan Suki Low serta persembahan khas oleh kumpulan nasyid Hijjaz dan Inteam.

Persembahan istimewa Muzikal Didi & Friends turut dianjurkan buat pengunjung cilik, manakala pertandingan seperti Bintang Idol Perpaduan dan "Battle of the Band" akan memberi ruang kepada bakat baharu.